



International Journal of Education,
Psychology and Counselling (IJEPC)
Journal Website: <http://ijepe.com/>
eISSN: 0128-164X



KONSTRUK IDENTITI BAHASA DALAM KALANGAN REMAJA ETNIK MELAYU BRUNEI DI MEMBAKUT, SABAH

*LANGUAGE IDENTITY CONSTRUCTS AMONGST ETHNIC BRUNEI MALAY
TEENS IN MEMBAKUT, SABAH*

Mohd. Arifin Mohd. Arif^{1*}, Norazlina Mohd Kiram², Noor Aina Dani³

¹ Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Putra Malaysia, Malaysia
Email: marifin2020@yahoo.com

² Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Putra Malaysia, Malaysia
Email: noraz@upm.edu.my

³ Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Putra Malaysia, Malaysia
Email: noorainadani@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 03.03.2020

Revised date: 15.04.2020

Accepted date: 06.05.2020

Published date: 05.06.2020

To cite this document:

Arif, M. A. M., Kiram, N. M., & Dani, N. A. (2020). Konstruksi Identiti Bahasa dalam kalangan Remaja Etnik Melayu Brunei di Membakut, Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 5 (35), 65-80.

DOI: 10.35631/IJEPC.535008.

Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis konstruk identiti bahasa pilihan remaja etnik Melayu Brunei berdasarkan satu model identiti bahasa. Kajian ini dijalankan di SMK Pekan Membakut (2) Beaufort, Sabah. Sampel kajian terdiri daripada 56 remaja etnik Melayu Brunei yang berumur 15 tahun. Kaedah tinjauan dijalankan dengan menggunakan soal selidik berstruktur yang mengandungi 17 konstruk identiti bahasa. Selain jadual frekuensi dan skala Likert, statistik deskriptif digunakan untuk mengira peratus, min dan sisihan piawai setiap konstruk identiti bahasa. Konstruk identiti bahasa terdiri daripada semangat kekitaan terhadap bahasa, sikap terhadap sebutan, bahasa dan status sosial, penggunaan atau pendedahan B1, pengetahuan bahasa, dan skrip atau abjad. Hasil kajian menunjukkan semangat kekitaan mereka terhadap bahasa Melayu standard lebih kuat berbanding dengan bahasa Melayu Brunei. Namun corak sebutan yang mereka ingini cenderung kepada bahasa Melayu Brunei. Penggunaan atau pendedahan bahasa Melayu Brunei sebagai B1 oleh masyarakat Brunei di daerah Membakut, Sabah masih berlaku. Justeru, peserta memilih untuk mendapatkan lebih banyak pengetahuan bahasa Melayu Brunei, bukan bahasa Melayu standard. Namun dalam kehidupan seharian, remaja mengaitkan status sosial dengan bahasa Melayu standard yang lebih berprestij. Dengan itu, mereka memilih penggunaan skrip atau abjad bahasa Melayu standard apabila menghantar teks mesej dan e-mel. Penggunaan berleluasa bahasa Melayu Brunei dalam domain variasi rendah membolehkan mereka mengekalkan identiti dan kesinambungan budaya Melayu Brunei walaupun ada saranan pemerintah untuk berasimilasi dan akulturasi.

Kata Kunci:

Identiti Bahasa, Remaja, Etnik Melayu Brunei, Bahasa Melayu Brunei

Abstract:

This study aims to analyse the language identity constructs preferred by Brunei Malay ethnic teens based on one language identity model. This study was conducted at SMK Membakut (2) Beaufort, Sabah. The sample consisted of 56 Brunei Malay ethnic teens age 15 years. The survey method was conducted using a structured questionnaire consisting of 17 language identity constructs. In addition to frequency tables and Likert scales, descriptive statistics are used to calculate percentages, mean and standard deviation of each language identity construct. The language identity constructs consist of a sense of belonging, attitude toward the pronunciation, language and social status, use or exposure of B1, language knowledge, and script or alphabet. The results showed their sense of belonging to the standard Malay was stronger than the Brunei Malay language. But the pronunciation pattern which they desired tends to be the Brunei Malay language. Usage or exposure of the Brunei Malay language as L1 by the Brunei community in the district of Membakut, Sabah was still up-to-the-minute. Thus, the participants chose to get more knowledge of the Malay Brunei language, not the standard Malay. However, in everyday life, teens associated social status with standard Malay which was more prestigious. Therefore, they chose to use standard Malay script or alphabet when sending text messages and e-mail. The pervasive use of Brunei Malay in low variety domains able them to maintain their identity and the continuity of Brunei culture despite government recommendations to assimilate and acculturation.

Keywords:

Language Identity, Teens, Brunei Malay Ethnic, Brunei Malay Language

Pendahuluan

Bahasa Melayu Brunei ialah label yang paling jelas untuk menunjukkan identiti bahasa bagi kumpulan remaja Melayu Brunei di Sabah. Menurut Wei (2008: 160), tafsiran hubungan bahasa dengan identiti membolehkan insan membentuk perasaan muhibah dalam masyarakat. Apabila tafsiran tersebut dikekalkan, bahasa menjadi label yang paling jelas untuk menunjukkan identiti berterusan sesuatu kumpulan. Identiti bahasa mempunyai keupayaan dalam menentukan tanggapan penutur terhadap ciri linguistik bahasa ibunda sendiri (Yan & Azirah 2020: 151). Hal ini benar dalam kumpulan remaja Melayu Brunei di Sabah. Berdasarkan pemerhatian dan pengetahuan pengkaji sebagai orang Melayu Brunei yang lahir di Sabah, walaupun mereka digelar sebagai orang Melayu, bahasa etnik ini berbeza daripada bahasa orang Melayu di Semenanjung Malaysia. Sehubungan itu, bahasa Melayu standard muncul sebagai kelainan yang diterima oleh masyarakat pengguna bahasa di Sabah dan di Semenanjung Malaysia sebagai milik bersama. Kelainan inilah yang dianggap sebagai wakil bahasa, dalam erti kata jika kita menyebut bahasa Melayu, kelainan yang difikirkan ialah bahasa standard (Asmah 2008: 48). Di Malaysia bahasa rasmi ialah bahasa Melayu standard yang termaktub sebagai bahasa pengantar di sekolah kebangsaan (Mehdi & Ain Nadzimah 2017: 34).

Bahasa Melayu Brunei yang dikenali sebagai *kurapak barunai* berbeza sebutannya daripada bahasa Melayu standard. Bahasa Melayu standard digunakan dalam situasi formal manakala

bahasa Melayu Brunei di daerah Membakut, Sabah ialah dialek yang digunakan dalam situasi tidak formal sebagai bahasa basahan. Dari segi vokal, bahasa Melayu standard mempunyai enam vokal: *a*, *e* (taling), *e* (pepet), *i*, *o*, *u*. Bahasa Melayu Brunei mempunyai tiga vokal: *a*, *i*, *u*. Bunyi vokal *e* pepet bahasa Melayu standard bertukar menjadi *a* dalam bahasa Melayu Brunei, misalnya *ketawa* menjadi *katawa*. Vokal *o* bertukar menjadi *u* seperti *boleh* menjadi *bulih*. Vokal *e* taling bertukar menjadi *i*, misalnya *leher* menjadi *lihir* (Ernie Zahdina 2020: 2).

Bahasa Melayu standard dan bahasa Melayu Brunei berkongsi satu bahasa yang sama, iaitu bahasa Melayu tetapi mempunyai beberapa perbezaan dari segi ejaan, makna kata dan sebutan. Berikut dipetik tiga kata dalam bahasa Melayu Brunei dan bahasa Melayu standard yang sama ejaan tetapi maksud berlainan (Ernie Zahdina 2020: 3).

Kata	Bahasa Melayu Standard	Bahasa Melayu Brunei
bah	banjir	baiklah
dadah	narkotik	makanan berkuah
bakat	kebolehan semula jadi	parut luka

Kajian hubungan bahasa dengan identiti semakin penting kepada negara berbilang kaum, termasuk Malaysia yang sedang menjalankan projek pembinaan bangsa. Dalam konteks kajian ini, remaja etnik Melayu Brunei di negeri Sabah memainkan peranan mewakili golongan muda. Cara remaja etnik Melayu Brunei mengidentifikasikan diri memberi kesan ke atas isu perpaduan di negeri Sabah kerana mereka adalah sebahagian daripada komposisi penduduk negeri ini. Oleh itu, bahasa yang mereka gunakan berfungsi sebagai penanda identiti kumpulan. Penentuan pemilihan bahasa membolehkan satu kumpulan penutur dibezakan daripada yang lain (Edwards 2009: 21). Pemilihan bahasa yang khusus menjadi satu cara untuk menyelidik mengetahui semangat kekitaan terhadap bahasa Melayu Brunei sesama ahli dalam kalangan remaja Melayu Brunei kerana mereka juga perlu menguasai bahasa Melayu standard (bahasa kebangsaan) dan bahasa Inggeris (bahasa antarabangsa).

Sejarah migrasi orang Brunei ke Sabah bermula semasa pemerintahan Sultan Brunei ke-5 yang digelar Sultan Bolkuah (1485-152). Sultan Bolkuah menggalakkan rakyatnya migrasi keluar mencari kawasan yang subur untuk dijadikan penempatan baharu. Di setiap jajahan yang kini membentuk negeri Sabah, kerajaan Kesultanan Brunei telah melantik kaum kerabat bangsawan Melayu Brunei menjadi pembesar yang mewakili Sultan. Kini kaum Melayu Brunei terdapat dalam daerah-daerah di sepanjang kawasan pantai negeri Sabah. Kebanyakan populasi mereka terdapat di kawasan pantai barat (Bilcher, Baszley & Jakaria 2008:13). Mereka bermastautin terutamanya di kawasan pinggir pantai yang menganjur dari daerah Tuaran di bahagian utara sehingga ke daerah Sipitang di bahagian selatan negeri Sabah. Beberapa kawasan yang didiami orang Brunei di negeri Sabah ialah Membakut, Sipitang, Weston, Menumbok, Kuala Penyu, Kota Klias, Bongawan, Kimanis, Benoni, Papar, Tuaran, dan Kudat.

Konstruk Identiti Bahasa

Maksud kata 'konstruk' dalam makalah ini ialah buah fikiran atau idea yang dijadikan saranan. Konstruk ialah faktor psikologi yang diandaikan bertanggungjawab membentuk perlakuan yang diperhatikan. 'Identiti' pula adalah berdasarkan persamaan dan perbezaan. Individu mengenal pasti identiti mana yang serupa dengan diri mereka. Mereka sering bimbang akan apa yang mereka anggap sebagai berbeza atau bertentangan. Tamimi Sa'd (2017: 15) mengatakan bahawa 'identiti' berasal daripada bahasa Latin *identitas* yang bermaksud 'sama'. Bentuk asas identiti ialah kesamaan.

Identiti bahasa ialah salah satu faktor yang paling penting dalam mengekalkan identiti etnik yang kuat dalam kumpulan minoriti seperti etnik Melayu Brunei di Sabah. Bahasa berfungsi untuk mengklasifikasikan dan menyatukan ahli ke dalam kumpulan (*in-group*) serta untuk mengecualikan orang dari luar kumpulan (*out group*) berinteraksi dengan orang dalam kumpulan (Chuang 2004: 58). Semakin mahir seseorang dalam bahasa ibunda, semakin kuat identiti bahasa dan keterikatan dengan ahli dalam kumpulan etnik. Beberapa kajian tentang remaja bangsa Cina, Korea, Vietnam, Mexico, Perancis dan India menunjukkan mereka dapat mengekalkan identiti bahasa ibunda kerana adanya sokongan ibu bapa. Mereka mempunyai lebih banyak peluang untuk berjaya di sekolah berbanding remaja yang mengasimilasikan budaya arus perdana (Yu 2015: 60).

Dalam kajian ini, terdapat 17 konstruk identiti bahasa yang terangkum dalam 6 komponen: 1. Semangat kekitaan terhadap bahasa ibunda, 2. Sikap terhadap sebutan, 3. Bahasa dan status sosial, 4. Penggunaan/pendedahan B1 dalam masyarakat, 5. Pengetahuan bahasa, dan 6. Skrip/Abjad. Sumber konstruk identiti bahasa tersebut dipadankan daripada Model Identiti Bahasa Rezaei (2013). Menurutnya, identiti bahasa merupakan cara orang mengenal pasti antara satu sama lain melalui bahasa atau dialek atau loghat yang mereka gunakan sehari-hari.

Remaja Etnik Melayu Brunei

Melayu Brunei dikenal pasti sebagai kumpulan etnik di Sabah. Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan Brunei Darussalam (cakap barunay, kurapak barunay) dan sebagai bahasa ibunda. Selain di negara Brunei Darussalam, variasi yang dikenal pasti sebagai bahasa Melayu Brunei dituturkan oleh kumpulan etnik Brunei di Malaysia, iaitu di Timur Sarawak (Limbang, Lawas, dan di Miri) dan di Sabah, iaitu di sekitar Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang dan di Pulau Labuan (Clynes 2001: 11). Remaja etnik Melayu Brunei dalam kajian ini bermastautin di daerah kecil Membakut, Sabah dan tertakluk serta patuh kepada sebarang dasar dan pelaksanaan dasar tertentu di negara Malaysia. Pandangan ini diambil kerana orang Melayu di negara yang berlainan tidak mengalami peristiwa sejarah dan sosial yang sama. Oleh sebab itu, remaja etnik Melayu Brunei dalam kajian ini bukan pengitlakan umum yang mencakupi remaja etnik Melayu Brunei di luar sempadan politik Malaysia seperti negara Brunei Darussalam. Remaja etnik Melayu Brunei dalam kajian ini ialah sekumpulan remaja berumur 15 tahun yang juga pelajar tingkatan empat SMK Membakut (2) di Sabah. Kumpulan remaja ini bertutur menggunakan bahasa ibunda dan dialek Melayu Sabah. Terdapat juga remaja yang menggunakan bahasa campuran kerana ibu bapa mereka berkahwin dengan etnik lain.

Sorotan Kajian

Rusi & Adrian (2010) pernah melaporkan pengalaman bahasa individu komuniti Asia Selatan dan kesan pengalaman itu terhadap identiti bahasa. Sampel kajian terdiri daripada 12 peserta komuniti Asia Selatan di East Midlands, England. Mereka berumur 21 tahun. Semangat kekitaan dan keterikatan bahasa ibunda dalam kalangan peserta secara umum tampak positif. Peserta memandang positif terhadap identiti etnik dan bahasa ibunda mereka. Bagi mereka kedua-dua unsur ini tidak dapat dipisahkan. Rujukan identiti bahasa dalam domain sosial menunjukkan peserta kajian memahami pilihan penggunaan bahasa yang sesuai dengan konteks sosial. Namun terdapat mereka yang berasa malu menggunakan bahasa ibunda dalam konteks yang dominan bahasa Inggeris. Bagi kebanyakan peserta, semakin sukar untuk meneroka identiti bahasa mereka dalam konteks sosial yang berbeza kerana norma yang dikenakan oleh pihak berkuasa. Keadaan yang wajar adalah untuk mereka menggunakan bahasa ibunda dalam situasi tidak formal seperti persekitaran rumah manakala bahasa Inggeris untuk tujuan rasmi seperti di sekolah dan dalam dunia pekerjaan. Berdasarkan sorotan terhadap

data kajian Rusi & Adrian (2010), penyelidik ingin mengetahui sama ada semangat kekitaan dan keterikatan bahasa ibunda dalam kalangan remaja etnik Melayu Brunei yang dikaji sama seperti generasi muda komuniti Asia Selatan di East Midlands, England. Dalam kalangan remaja etnik Melayu Brunei kedua-dua faktor tersebut boleh jadi positif atau negatif bergantung pada jawapan yang diperoleh penyelidik.

Khatib & Rezaei (2013) telah menguji model identiti bahasa di Iran dengan aplikasi kaji selidik ke atas 482 peserta remaja. Dapatan kajian menunjukkan beberapa remaja Iran mengamalkan sebutan bahasa Inggeris walaupun ketika berbahasa Parsi yang menunjukkan adanya pengaruh bahasa Inggeris. Bahasa dan status sosial merupakan komponen lain yang menunjukkan bagaimana warga Iran mengaitkan status sosial dengan bahasa pertuturan mereka. Sesetengah peserta percaya bahawa bahasa Inggeris memberi individu status sosial yang lebih tinggi. Seterusnya, penggunaan dan pendedahan B1 dalam masyarakat ialah komponen yang berkaitan dengan daya hidup bahasa Parsi sama ada digunakan oleh remaja Iran dalam konteks sosial di Iran. Jelas bahawa beberapa remaja Iran sangat terpesona dan terikat pada bahasa Inggeris dalam perbualan bersemuka atau komunikasi dalam talian. Pengetahuan bahasa juga penting kerana sebahagian daripada identiti negara Iran dibina daripada bahasa negara itu. Akhir sekali, skrip dan abjad dimasukkan dalam model. Terdapat kecenderungan kuat dalam kalangan generasi muda Iran untuk menulis bahasa Parsi dalam huruf Latin. Sorotan terhadap kajian Khatib & Rezaei (2013) dimanfaatkan untuk mengkaji identiti bahasa remaja etnik Melayu Brunei di daerah Membakut, Sabah. Majoriti peserta dalam kajian Khatib & Rezaei (2013) mempunyai identiti bahasa pada tahap purata tetapi tidak semestinya identiti bahasa remaja Melayu Brunei berada di tahap yang sama.

Hasni & Novel (2014) telah mengusahakan satu kajian tentang identiti bahasa etnik Melayu Thesaban Takbai di Selatan Thailand. Sebanyak 10 informan berumur antara 20 hingga 60 tahun dipilih berdasarkan tahap pendidikan dan jenis pekerjaan masing-masing. Dapatan kajian menunjukkan informan mahu identiti bahasa Melayu Patani sebagai bahasa ibunda dan bahasa Thai sebagai bahasa kebangsaan. Kesediaan informan mempelajari bahasa Thai membentuk identiti baharu yang tidak berpaksikan bahasa Melayu Patani semata-mata tetapi juga bahasa Thai. Hasni & Novel (2014: 154) berpendapat cabaran yang dihadapi oleh informan ialah identiti dwibahasa menjadi identiti yang membezakan mereka daripada etnik Melayu di luar Thailand seperti di Malaysia. Aminah (2015) telah mengkaji sikap generasi muda terhadap bahasa Melayu yang melibatkan 568 orang remaja berumur antara 11 hingga 25 tahun di negara Brunei Darussalam. Hasil kajian menunjukkan bahawa sikap terhadap bahasa kebangsaan, terlepas dari lingkungan tempat tinggal mereka adalah cenderung positif. Dari segi lingkungan tempat tinggal, responden menunjukkan sikap terhadap bahasa daerah masih lebih positif daripada bahasa nasional. Sikap bahasa remaja etnik Melayu Brunei sebagai generasi muda di Malaysia dapat dibandingkan dengan mereka di negara Brunei Darussalam melalui ciri sosial. Laporan media tempatan (James 2017) memetik hasil kajian Biro Bahasa dan Sastera Brunei (2017) bahawa terdapat penurunan drastik penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan remaja pelajar sekolah menengah. Hanya 48.6% daripada mereka menggunakan bahasa Melayu di rumah manakala 38.8% berkomunikasi dengan rakan-rakan dalam bahasa Melayu dan 43.7% bertutur menggunakan bahasa Melayu di sekolah. Secara keseluruhan, penggunaan bahasa Melayu mengecewakan kerana penggunaan bahasa rojak Melayu dan Inggeris. Sorotan ini penting sebagai perbandingan sama ada terdapat penurunan drastik penggunaan bahasa Melayu Brunei dalam kalangan remaja etnik Melayu Brunei di daerah Membakut, Sabah.

Soalan Kajian

Apakah tahap identiti bahasa remaja etnik Melayu Brunei yang dikaji?

Objektif Kajian

Menganalisis konstruk identiti bahasa pilihan remaja etnik Melayu Brunei berdasarkan model identiti bahasa.

Metodologi

Kajian ini dijalankan di daerah Beaufort, Sabah. Pemilihan tempat kajian ini adalah disebabkan majoriti etnik Melayu Brunei ialah penduduk tetap di kawasan ini. Membakut ialah sebuah kampung yang diduduki etnik Melayu Brunei, terletak di tebing sungai kira-kira 5 kilometer dari laut. Jarak daerah Membakut dari Kota Kinabalu sebagai ibu negeri Sabah lebih kurang 70 kilometer. Sampel kajian ialah remaja etnik Melayu Brunei yang menuntut dalam 2 kelas Tingkatan 4 di SMK Pekan Membakut (2). Semua sampel kajian sebanyak 56 orang berumur 15 tahun. Kaedah tinjauan digunakan untuk mendapatkan jawapan tentang 17 konstruk identiti bahasa yang terkandung dalam Model Identiti Bahasa (Rezaei 2013). Maklumat yang diperolehi menjawab soalan dan objektif kajian. Sebanyak 17 konstruk identiti bahasa dalam bentuk item soal selidik yang melibatkan Semangat Kekitaan terhadap Bahasa Ibunda (Soalan 1, 2, 3); Sikap terhadap Sebutan (Soalan 4, 5, 6); Bahasa dan Status Sosial (Soalan 7, 8, 9); Penggunaan/pendedahan B1 dalam Masyarakat (Soalan 10, 11, 12, 13); Pengetahuan Bahasa (Soalan 14, 15, 16); dan Skrip/Abjad (Soalan 17).

Penganalisan Data

Sebanyak 17 item konstruk identiti bahasa dijumlahkan dalam jadual frekuensi (f) mengikut skala Likert lima respons: 1. Sangat Tidak Setuju, 2. Agak Tidak Setuju, 3. Berkecuali, 4. Agak Setuju, 5. Sangat Setuju. Walau bagaimanapun, hanya skala yang mengandungi respons dimasukkan dalam jadual frekuensi. Skor median mengkategorikan setiap respons yang dipilih oleh peserta kajian. Seterusnya statistik deskriptif digunakan untuk menentukan peratus (%) min dan sisihan piawai (SP) setiap konstruk identiti bahasa. Pada dasarnya, sisihan piawai yang kecil bermaksud nilai-nilai dalam set data statistik hampir kepada set data min. Sisihan piawai yang besar bermakna nilai-nilai dalam set data lebih jauh dari nilai pada lengkung taburan normal piawai.

Model Identiti Bahasa (Rezaei 2013)

Model Identiti Bahasa dalam kajian ini telah diperkenalkan oleh Rezaei (2013). Fasa pembangunan model ini bersifat penerokaan. Dalam fasa pertama, model dan soal selidik identiti bahasa telah dibangunkan dan disahkan mengikut konteks negara Iran. Konstruk komponen model tersebut mengandungi item soal selidik yang telah diuji indeks kebolehpercayaannya. Indeks 0.73 telah diperolehi hasil daripada ujian Alpha Cronbach. Indeks ini mengesahkan kebolehpercayaan kandungan soal selidik. Seterusnya, model identiti bahasa diuji dengan menganalisis data soal selidik daripada 193 responden. Pemodelan persamaan struktur melalui AMOS 21 telah digunakan untuk menguji model. Soal selidik dan model ini mengambil masa hampir setahun untuk dimuktamadkan dengan jayanya (Rezaei 2013: 99). Uji kaji model Identiti Bahasa dijalankan antara bulan Julai 2011 dan Ogos 2012. Responden ialah pelajar bahasa Inggeris di Iran daripada tahap penguasaan bahasa, umur, jantina dan latar belakang pendidikan yang berlainan. Responden bagi soal selidik kajian rintis berjumlah 36 orang, sebanyak 134 orang untuk ujian kebolehpercayaan dan 482 orang untuk pengesahan analisis faktor. Satu panel lima pakar telah memberi ulasan tentang penggunaan kata dalam semua item soal selidik dan komponen model (Khatib & Rezaei 2013: 6). Konstruk Model Identiti Bahasa telah diterbitkan dalam makalah jurnal (Rezaei 2012: 48; Khatib & Rezaei, 2013: 700; Rezaei et al. 2017: 8). Penyelidik lain telah menggunakan konstruk model tersebut dalam kajian identiti bahasa (Shahin et al. 2017: 5).

Konstruk identiti bahasa yang diadaptasi daripada Model Rezaei (2013) dipaparkan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Konstruk Model Identiti Bahasa

Komponen	Konstruk	
Semangat kekitaan terhadap bahasa	1	Saya harap semua kursus di sekolah disampaikan dalam bahasa Melayu standard, bukan bahasa Melayu Brunei.
	2	Saya suka menghadiri kelas bahasa Melayu Brunei lebih daripada kelas bahasa Melayu standard.
	3	Saya suka bahasa Melayu Brunei. Saya tidak suka bahasa Melayu standard mengambil alih tempatnya.
Sikap terhadap Sebutan	4	Saya fikir bercakap dalam bahasa Melayu standard dengan loghat Melayu Brunei tidaklah teruk.
	5	Saya rasa bangga bercakap bahasa Melayu Brunei dengan sebutan bahasa Melayu standard.
	6	Saya suka sebutan bahasa Melayu Brunei lebih daripada sebutan bahasa Melayu standard.
Bahasa dan Status Sosial	7	Saya percaya seseorang yang boleh menggunakan bahasa Melayu standard dengan baik mempunyai status sosial yang lebih baik dan dihormati masyarakat.
	8	Saya percaya mengetahui bahasa Melayu standard menunjukkan penghormatan.
	9	Apabila saya bercakap dalam bahasa Melayu standard, saya rasa saya lebih unggul daripada orang lain.
Penggunaan/pendedahan B1 dalam Masyarakat	10	Saya banyak menggunakan bahasa Melayu standard dalam kehidupan seharian saya.
	11	Saya menggunakan banyak kata bahasa Melayu standard bila saya bercakap bahasa Melayu Brunei.
	12	Saya suka bercakap bahasa Melayu Brunei dan bukan bahasa Melayu standard dengan orang asing yang tahu bahasa Melayu Brunei.
	13	Saya suka bercakap bahasa Melayu standard daripada bahasa Melayu Brunei dengan kawan-kawan saya dari Brunei yang tahu bahasa Melayu standard.
Pengetahuan Bahasa	14	Saya ingin tahu lebih lanjut mengenai sejarah bahasa Melayu Brunei daripada bahasa Melayu standard.
	15	Saya suka mengetahui lebih banyak mengenai penyair dan penulis-penulis Brunei daripada penyair dan penulis-penulis Malaysia.
	16	Saya banyak membaca puisi dan cerita dalam bahasa Melayu Brunei.
Skrip/Abjad	17	Saya menghantar mesej teks dan e-mel dalam bahasa Melayu standard.

Sumber: (Diadaptasi Daripada Rezaei 2013:109)

Dapatan Kajian

Konstruk Identiti Bahasa Pilihan Remaja Etnik Melayu Brunei Berdasarkan Model Identiti Bahasa

Jadual 2 mengandungi maklumat bagaimana remaja etnik Melayu Brunei di Membakut Sabah fikir dan rasa akan bahasa ibunda mereka berbanding dengan bahasa Melayu standard.

Jadual 2: Konstruk Semangat Kekitaan

Item	Semangat Kekitaan	f	%	min	SP
1	Saya harap semua kursus di sekolah disampaikan dalam bahasa Melayu standard, bukan bahasa Melayu Brunei.			4.80	.401
	Agak Setuju	11	19.6		
	Sangat Setuju	45	80.4		
	Jumlah	56	100.0		
2	Saya suka menghadiri kelas bahasa Melayu Brunei lebih daripada kelas bahasa Melayu standard.			2.23	1.452
	Sangat Tidak Setuju	20	35.7		
	Agak Tidak Setuju	25	44.6		
	Sangat Setuju	11	19.6		
	Jumlah	56	100.0		
3	Saya suka bahasa Melayu Brunei. Saya tidak suka bahasa Melayu standard mengambil alih tempatnya.			3.25	1.540
	Sangat Tidak Setuju	7	12.5		
	Agak Tidak Setuju	20	35.7		
	Agak Setuju	10	17.9		
	Sangat Setuju	19	33.9		
	Jumlah	56	100.0		

Remaja etnik Melayu Brunei memberi respons sangat setuju (80.4%) bagi soalan ‘Saya harap semua kursus di sekolah disampaikan dalam bahasa Melayu standard, bukannya bahasa Melayu Brunei.’ Majoriti remaja memilih respons agak tidak setuju (44.6%) bagi item ‘Saya suka menghadiri kelas bahasa Melayu Brunei lebih daripada kelas bahasa Melayu standard.’ Kebanyakan remaja memberi respons agak tidak setuju (35.7%) bagi item ‘Saya suka bahasa Melayu Brunei. Saya tidak suka bahasa Melayu standard mengambil alih tempatnya.’ Min bagi konstruk 1 ‘Saya harap semua kursus di sekolah disampaikan dalam bahasa Melayu standard, bukannya bahasa Melayu Brunei’ adalah yang tertinggi sebanyak 4.80.

Konstruk sikap terhadap sebutan dipaparkan pada Jadual 3 yang berikut. Konstruk sikap terhadap sebutan merujuk kepada sikap remaja etnik Melayu Brunei terhadap corak sebutan yang diinginkan sama ada bahasa Melayu Brunei atau bahasa Melayu standard. Item sikap terhadap sebutan yang mendapat respons paling tinggi ialah ‘Saya fikir bercakap dalam bahasa Melayu standard dengan loghat Melayu Brunei tidaklah teruk.’ Remaja etnik Melayu Brunei menjawab sangat setuju pada kadar 94.6% bagi item ini. Sebanyak 62.5% remaja sangat setuju dengan item ‘Saya rasa bangga bercakap dalam bahasa Melayu Brunei dengan sebutan bahasa Melayu standard.’ Pada masa yang sama, sebanyak 53.6% remaja agak setuju dengan item ‘Saya suka sebutan bahasa Melayu Brunei lebih daripada sebutan bahasa Melayu standard.’

Min konstruk yang tertinggi, iaitu 4.95 ialah ‘Saya fikir bercakap dalam bahasa Melayu standard dengan loghat Melayu Brunei tidaklah teruk.’

Jadual 3: Konstruk Sikap Terhadap Sebutan

Item	Sikap terhadap Sebutan	f	%	min	SP
1	Saya fikir bercakap dalam bahasa Melayu standard dengan loghat Melayu Brunei tidaklah teruk.			4.95	.227
	Agak Tidak Setuju	3	5.4		
	Sangat Setuju	53	94.6		
	Jumlah	56	100.0		
2	Saya rasa bangga bercakap bahasa Melayu Brunei dengan sebutan bahasa Melayu standard.			4.62	.489
	Agak Setuju	21	37.5		
	Sangat Setuju	35	62.5		
	Jumlah	56	100.0	100.0	
3	Saya suka sebutan bahasa Melayu Brunei lebih daripada sebutan bahasa Melayu standard.			4.46	.503
	Agak Setuju	30	53.6		
	Sangat Setuju	26	46.4		
	Jumlah	56	100.0	100.0	

Jadual 4 adalah berkaitan dengan konstruk bahasa dan status sosial.

Jadual 4: Konstruk Bahasa Dan Status Sosial

Item	Bahasa dan Status Sosial	f	%	min	SP
1	Saya percaya seseorang yang boleh menggunakan bahasa Melayu standard dengan baik mempunyai status sosial yang lebih baik dan dihormati masyarakat.			4.71	.456
	Agak Setuju	16	28.6		
	Sangat Setuju	40	71.4		
	Jumlah	56	100.0		
2	Saya percaya mengetahui bahasa Melayu standard menunjukkan penghormatan.			4.54	.503
	Agak Setuju	26	46.4		
	Sangat Setuju	30	53.6		
	Jumlah	56	100.0		
3	Apabila saya bercakap dalam bahasa Melayu standard, saya rasa saya lebih unggul daripada orang lain.			2.05	1.166
	Sangat Tidak Setuju	18	32.1		
	Agak Tidak Setuju	30	53.6		
	Agak Setuju	3	5.4		
	Sangat Setuju	5	8.9		
	Jumlah	56	100.0		

Konstruk ini memperlihatkan bagaimana remaja etnik Melayu Brunei mengaitkan status sosial mereka dengan bahasa yang dituturkan sehari-hari. Remaja etnik Melayu Brunei memberi respons sangat setuju (71.4%) bagi item ‘Saya percaya seseorang yang boleh menggunakan bahasa Melayu standard dengan baik mempunyai status sosial yang lebih baik dan dihormati masyarakat.’ Seterusnya, mereka memilih jawapan sangat setuju (53.6%) bagi item ‘Saya percaya mengetahui bahasa Melayu standard menunjukkan penghormatan.’ Walau bagaimanapun, sebanyak 53.6% pelajar memberi respons amat tidak setuju bagi item ‘Apabila saya bercakap dalam bahasa Melayu standard, saya rasa saya lebih unggul daripada orang lain’. Min konstruk yang paling tinggi ialah ‘Saya percaya seseorang yang boleh menggunakan bahasa Melayu standard dengan baik mempunyai status sosial yang lebih baik dan dihormati masyarakat’ (4.71).

Jadual 5 adalah berkaitan dengan penggunaan/pendedahan B1 dalam masyarakat yang mempersoalkan penggunaan bahasa Melayu Brunei dalam kehidupan seharian dibandingkan dengan bahasa Melayu standard.

Jadual 5: Konstruk Penggunaan/Pendedahan B1 Dalam Masyarakat

Item	Penggunaan/Pendedahan B1 dalam f	%	min	SP
1	Saya banyak menggunakan bahasa Melayu standard dalam kehidupan seharian saya.		4.38	.489
	Agak Setuju	35 62.5		
	Sangat Setuju	21 37.5		
	Jumlah	56 100.0		
2	Saya menggunakan banyak kata bahasa Melayu standard bila saya bercakap bahasa Melayu Brunei.		4.75	.437
	Agak Setuju	14 25.0		
	Sangat Setuju	42 75.0		
	Jumlah	56 100.0		
3	Saya suka bercakap bahasa Melayu Brunei, bukannya bahasa Melayu standard dengan orang asing yang tahu bahasa Melayu Brunei.		4.79	.414
	Agak Setuju	12 21.4		
	Sangat Setuju	44 78.6		
	Jumlah	56 100.0		
4	Saya suka bercakap bahasa Melayu standard daripada bahasa Melayu Brunei dengan kawan-kawan saya dari Brunei yang tahu bahasa Melayu standard.		3.36	1.407
	Agak Tidak Setuju	28 50.0		
	Agak Setuju	8 14.3		
	Sangat Setuju	20 35.7		
	Jumlah	56 100.0		

Item 1 iaitu ‘Saya banyak menggunakan bahasa Melayu standard dalam kehidupan seharian saya’ mendapat respons agak setuju yang paling tinggi (62.5%). Item ‘Saya menggunakan banyak kata bahasa Melayu standard bila saya bercakap dalam bahasa Melayu Brunei’ mendapat respons sangat setuju sebanyak 75.0%. Remaja etnik Melayu Brunei menjawab

sangat setuju sebanyak 78.6% bagi item ‘Saya suka bercakap bahasa Melayu Brunei, bukannya bahasa Melayu standard dengan orang asing yang tahu bahasa Melayu Brunei.’ Bagi item ‘Saya suka bercakap bahasa Melayu standard daripada bahasa Melayu Brunei dengan kawan-kawan saya dari Brunei yang tahu bahasa Melayu standard’ remaja memberi respons amat tidak setuju (50.0%). Min konstruk tertinggi, iaitu 4.79 ialah ‘Saya suka bercakap bahasa Melayu Brunei, bukannya bahasa Melayu standard dengan orang asing yang tahu bahasa Melayu Brunei.’

Jadual 6 adalah berkaitan data komponen pengetahuan bahasa yang merujuk kepada maklumat yang remaja etnik Melayu Brunei ada tentang bahasa, sejarah dan kesusasteraan mereka sendiri. Item ‘Saya ingin tahu lebih lanjut mengenai sejarah bahasa Melayu Brunei daripada bahasa Melayu standard’ dan item ‘Saya suka mengetahui lebih banyak mengenai penyair dan penulis-penulis Brunei daripada penyair dan penulis-penulis Malaysia’ masing-masing mendapat respons sangat setuju sebanyak 55.4%. Respons bagi item ‘Saya banyak membaca puisi dan cerita dalam bahasa Melayu Brunei’ menunjukkan jumlah peratus sama banyak bagi skala sangat setuju juga sangat tidak setuju, iaitu 28.6%. Min konstruk yang tertinggi ialah ‘Saya ingin tahu lebih lanjut mengenai sejarah bahasa Melayu Brunei daripada bahasa Melayu standard’ (4.55).

Jadual 6: Konstruk Pengetahuan Bahasa

Item	Pengetahuan Bahasa	f	%	min	SP
1	Saya ingin tahu lebih lanjut mengenai sejarah bahasa Melayu Brunei daripada bahasa Melayu standard.			4.55	.502
	Agak Setuju	25	44.6		
	Sangat Setuju	31	55.4		
	Jumlah	56	100.0		
2	Saya suka mengetahui lebih banyak mengenai penyair dan penulis-penulis Brunei daripada penyair dan penulis-penulis Malaysia.			4.30	.989
	Agak Tidak Setuju	7	12.5		
	Agak Setuju	18	32.1		
	Sangat Setuju	31	55.4		
	Jumlah	56	100.0		
3	Saya banyak membaca puisi dan cerita dalam bahasa Melayu Brunei.			3.04	1.662
	Sangat Tidak Setuju	16	28.6		
	Agak Tidak Setuju	11	19.6		
	Agak Setuju	13	23.2		
	Sangat Setuju	16	28.6		
	Jumlah	56	100.0		

Konstruk skrip/abjad merujuk kepada kecenderungan remaja etnik Melayu Brunei menggunakan abjad dan skrip bahasa Melayu Brunei. Remaja memberi respons sangat setuju (62.5%) bagi item ‘Saya menghantar mesej teks dan e-mel dalam bahasa Melayu standard’ manakala respons setuju adalah sebanyak 37.5%.

Jadual 7: Konstruk Skrip/Abjad

Item	Komponen Skrip/Abjad	f	%	min	SP
1	Saya menghantar mesej teks dan e-mel dalam bahasa Melayu standard.			4.62	.489
	Agak Setuju	21	37.5		
	Sangat Setuju	35	62.5		
	Jumlah	56	100.0		

Soalan Kajian: Apakah tahap identiti bahasa remaja etnik Melayu Brunei yang dikaji?

Bagi menjawab soalan kajian ini, skor yang diperoleh daripada soal selidik konstruk identiti bahasa dihitung. Skala dalam soal selidik dirangka dari 1 hingga 5 dengan ‘sangat tidak setuju’ pada satu hujung skala yang menerima 1 mata dan ‘sangat setuju’ menerima 5 mata. Oleh itu, setiap responden menerima skor keseluruhan semua soal selidik. Jadual 8 memaparkan skor turun naik di antara 56 skor minimum dan 90 skor maksimum. Keputusan yang diperoleh daripada respons 56 remaja etnik Melayu Brunei yang dikaji menunjukkan bahawa skor min 74.18 dan skor sisihan piawai 11.62 sementara julat skor ialah 34 (iaitu $90 - 56 = 34$). Keputusan yang diperoleh daripada respons 56 remaja etnik Melayu Brunei yang dikaji menunjukkan bahawa skor min 74.18 dan skor sisihan piawai 11.62 sementara julat skor ialah 34 (iaitu $90 - 56 = 34$).

Jadual 8: Statistik Deskriptif Bagi Identiti Bahasa Berdasarkan Skor Responden

Jumlah Peserta	56
Min	74.18
Sisihan Piawai	11.62
Julat	34
Minimum	56
Maksimum	90

Skor penentuan takat potong bagi identiti bahasa dikategorikan mengikut tahap rendah, sederhana dan tinggi. Bagi tujuan itu, min dan sisihan piawai dikira. Skor rendah, sederhana dan tinggi telah ditentukan dengan mempertimbangkan min dan sisihan piawai. Skor yang jatuh satu sisihan piawai di atas min dianggap sebagai skor tinggi. Skor yang jatuh satu sisihan piawai di bawah min dianggap sebagai skor rendah. Dan akhirnya, skor di antara kedua-duanya menjadi skor sederhana. Berdasarkan pengiraan, skor antara 30.9 dan 60.5 dianggap sederhana, skor di bawah 30.9 dikategorikan sebagai rendah, skor 60.5 ke atas ialah tahap tinggi. Semakin tinggi skor maka tafsirannya adalah lebih banyak remaja berasa ikatan pada identiti bahasa Melayu Brunei.

Jadual 9 menunjukkan jumlah responden dalam kumpulan identiti bahasa sederhana dan tinggi. Sebanyak 28 remaja etnik Melayu Brunei bersamaan 50% mempunyai tahap identiti bahasa Melayu Brunei yang tinggi. Pada sisi lain, sebanyak 28 remaja lagi atau 50.0% memiliki tahap identiti bahasa Melayu Brunei yang sederhana.

Jadual 9: Peratus Identiti Bahasa Remaja

Tahap Identiti Bahasa	Jumlah	Peratus
Rendah	00	00.0%
Sederhana	28	50.0%
Tinggi	28	50.0%

Perbincangan

Perbincangan konstruk identiti bahasa remaja etnik Melayu Brunei di daerah Membakut, Sabah merangkumi semangat kekitaan terhadap bahasa, sikap terhadap sebutan, bahasa dan status sosial, penggunaan/pendedahan B1 dalam masyarakat, pengetahuan bahasa, dan skrip/abjad. Respons remaja etnik Melayu Brunei mencerminkan semangat kekitaan mereka terhadap bahasa Melayu standard lebih kuat berbanding dengan bahasa Melayu Brunei. Hal ini demikian kerana semua kursus di sekolah disampaikan dalam bahasa Melayu standard sebagai mata pelajaran wajib lulus. Dapatan ini bertentangan dengan hasil kajian Rusi & Adrian (2010) bahawa semangat kekitaan dan keterikatan bahasa ibunda dalam kalangan peserta secara umum adalah positif.

Remaja etnik Melayu Brunei berpendapat bertutur bahasa Melayu standard dengan loghat Melayu Brunei tidaklah teruk. Mereka rasa bangga bercakap dalam bahasa Melayu Brunei. Oleh itu, corak sebutan yang diinginkan cenderung kepada bahasa Melayu Brunei. Dapatan kajian ini menyokong hasil kajian Rusi & Adrian (2010) bahawa peserta memandang positif terhadap identiti etnik dan bahasa ibunda mereka dan kedua-dua unsur ini tidak dapat dipisahkan. Data lingkungan tempat tinggal bagi remaja etnik Melayu Brunei di daerah Membakut, Sabah menyokong data kajian Aminah (2015) berkaitan responden etnik Melayu Brunei di negara Brunei Darussalam yang menunjukkan sikap terhadap bahasa daerah masih lebih positif daripada bahasa nasional. Terdapat kebarangkalian sikap remaja Melayu Brunei di Membakut, Sabah adalah sama. Dapatan ini menyokong hasil kajian Siti Aisah et al. (2019: 130). Sungguhpun bahasa Orang Asli suku kaum Semai masih lagi menjadi bahasa pilihan utama dalam kalangan masyarakat ini, bahasa Melayu tidak terus dipinggirkan.

Remaja etnik Melayu Brunei mengaitkan status sosial dengan bahasa pertuturan mereka. Mereka percaya seseorang yang boleh menggunakan bahasa Melayu standard dengan baik mempunyai status sosial yang lebih baik dan dihormati masyarakat. Struktur sosial juga sangat dipengaruhi oleh tingkah laku dan struktur bahasa penutur (Abdul Hafidz 2012: 138). Khatib & Rezaei (2013) juga mendapati beberapa remaja mengaitkan status sosial mereka dengan bahasa pertuturan dan percaya bahawa bahasa yang berprestij memberi individu status sosial yang lebih tinggi.

Penggunaan/pendedahan bahasa Melayu Brunei sebagai B1 dalam masyarakat Brunei di daerah Membakut, Sabah masih berlaku. Namun begitu, peranan bahasa Melayu standard sebagai bahasa pengantar dan bahasa buku teks di sekolah mempengaruhi penggunaan bahasa seharian remaja. Tidak terdapat penurunan drastik penggunaan bahasa Melayu Brunei dalam kalangan remaja etnik Melayu Brunei. Justeru, penemuan di Membakut, Sabah bertentangan penemuan di Brunei Darussalam mengikut laporan James (2017) bahawa terdapat penurunan drastik penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Dari sudut pandangan penyelidik, identiti yang ditunjukkan oleh etnik Melayu Thesaban Takbai di Selatan Thailand yang telah dikaji oleh Hasni & Novel (2014) ada persamaan dengan etnik Melayu Brunei di Sabah. Mereka masih berpegang kuat pada identiti tradisi agama Islam dan budaya Melayu namun mula menampakkan toleransi terhadap pemodenan dari sudut bahasa dan pendidikan. Mereka tidak menolak pemodenan tetapi elemen moden dan tradisi yang telah diintegrasikan ke dalam struktur pendidikan telah memberikan etnik Melayu Brunei di Membakut, Sabah pilihan untuk menyeimbangkan keinginan mereka mengekalkan elemen tradisi agama dengan keperluan mobiliti sosial.

Pengetahuan bahasa merujuk kepada jumlah maklumat yang ada pada remaja etnik Melayu Brunei mengenai bahasa, sejarah dan kesusasteraan sendiri. Mereka memilih untuk mendapatkan lebih banyak pengetahuan bahasa Melayu Brunei, bukan pengetahuan bahasa Melayu standard. Mereka memilih untuk mendapatkan lebih banyak maklumat tentang bahasa, sejarah dan kesusasteraan Melayu Brunei, bukannya pengetahuan bahasa Melayu standard. Menurut hasil kajian Shahin, Sayed & Hooshiar (2017: 5), pengetahuan bahasa merujuk kepada berapa banyak informasi dan tahap kesedaran bahasa yang penutur ada tentang bahasa ibunda. Semakin banyak pengetahuan bahasa Melayu Brunei yang diperoleh remaja semakin tinggi rasa keterikatan mereka pada bahasa ibunda. Hasil kajian daripada 56 remaja Melayu Brunei yang dikaji menunjukkan tahap identiti bahasa mereka adalah sebanyak 50% sederhana dan 50% tinggi. Selain itu, dapatan tentang skrip/abjad merujuk kepada kecenderungan remaja etnik Melayu Brunei yang menggunakan bahasa Melayu standard melalui teks mesej dan e-mel dalam komunikasi secara elektronik.

Kesimpulan

Faktor sosial-psikologi seperti domain penggunaan bahasa, persepsi dan motivasi mempunyai pengaruh yang signifikan dalam identiti bahasa remaja etnik Melayu Brunei yang dikaji. Penggunaan aktif bahasa Melayu Brunei dalam komuniti membolehkan mereka mengekalkan identiti dan kesinambungan budaya Melayu Brunei walaupun ada saranan pemerintah untuk berasimilasi dan akulturasi. Bagi kebanyakan peserta kajian, isu etnik dititikberatkan dengan ketara dalam keinginan mereka untuk menegakkan reputasi mereka sebagai komuniti yang tersendiri. Nilai simbolik yang diletakkan pada bahasa ibunda mempengaruhi persepsi akan daya hidup dan penggunaan bahasa Melayu Brunei. Dalam domain kekeluargaan, bahasa ibunda ialah lambang identiti yang penting bagi mereka. Persepsi sedemikian memotivasikan penggunaan bahasa Melayu Brunei jika dibandingkan dengan bahasa Melayu standard yang lebih dominan dalam domain pendidikan.

Faktor dalaman dalam bahasa ibunda dapat digunakan sebagai alat untuk memperjuangkan pelestarian bahasa seperti menurunkan bahasa itu kepada generasi muda dan meningkatkan kesetiaan dalam bahasa ibunda (Akhmad & Kamal 2019: 101). Pengekalan identiti dan kebudayaan Melayu Brunei menjadi semakin penting dalam masyarakat remaja etnik Melayu Brunei kerana bahasa ialah satu cara untuk menzahirkan identiti etnik. Ini disokong dalam sorotan literatur yang mengaitkan bahasa dan identiti dengan masyarakat tradisi. Jelas bahawa isu bahasa dan identiti berkait rapat dengan budaya Melayu dan tradisi masyarakat Brunei. Dengan memastikan bahasa mereka terus hidup, cara ini juga dapat mengekalkan budaya tradisi. Walaupun komuniti Melayu Brunei di daerah Membakut, Sabah tidak kelihatan mengalami peralihan bahasa, agak sukar untuk meramalkan daya hidup bahasa Melayu Brunei pada masa akan datang. Penutur bahasa itulah yang membuat keputusan sama ada mereka meneruskan kelangsungan bahasa ibunda kepada generasi akan datang.

Rujukan

- Abdul Hafidz Zaid. (2012). Bahasa dan Struktur Sosial. *Jurnal At-Ta'dib*, 7(1), 137-150.
- Akhmad Humaidi & Kamal Hasuna. (2019). Upaya Pemertahanan Bahasa Bajau dalam Masyarakat Multibahasa di Kabupaten Kotabaru Provinsi Kalimantan Selatan. *Stilistika: Jurnal Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya*, 4(1), 99-109.
- Aminah Awang Basar. (2015). Sikap Generasi Muda terhadap Bahasa Melayu: Senario di Malaysia, Indonesia dan Negara Brunei Darussalam. *Seminar Penyelidikan Pendidikan Memartabatkan Bahasa Melayu (MBM) September 2015*, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Kuching, Malaysia. 11 muka surat.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bilcher Bala., Baszley Bee., Basrah Bee., & Jakaria Dasan. (2008). Pengaruh Kesultanan Brunei kepada Masyarakat Sabah (Siri I & II). *Utusan Borneo*, 3 April 2008:ms.13
- Chuang, R. (2004). Theoretical Perspectives: Fluidity and Complexity of Cultural and Ethnic Identity. In M. Fong & R. Chuang (Eds.), *Communicating Ethnic and Cultural Identity* (pp. 5168). Lanham, MD: Rowman & Littlefield Publishers, Inc.
- Clynes, A. (2001). Brunei Malay: An Overview. *Occasional Papers in Language Studies*, 7, 11-43.
- Edwards, J. (2009). *Language and Identity: Key Topics in Sociolinguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ernie Zahdina Hj Md Seruddin. (2020). Makna Kata Bahasa Melayu Malaysia dan Bahasa Melayu Brunei. <https://www.academia.edu/1176121>
- Hasni Zakaria & Novel Lyndon. (2014). Identiti Budaya dan Bahasa Etnik Melayu Thesaban Takbai, Selatan Thailand: Satu Analisa Fenomenologi. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, 10(6), 148-155.
- James Kon (2017). Malay Language Losing Grip. *Borneo Bulletin*, August 26. <https://borneobulletin.com.bn/malay-language-losing-grip/>
- Khatib, M., & Rezaei, S. (2013). A Model and Questionnaire of Language Identity in Iran: A Structural Equation Modelling Approach. *Journal of Multilingual and Multicultural Development*, 34(7), 690-708.
- Mehdi Granhemat & Ain Nadzimah Abdullah. (2017). Gender, Ethnicity, Ethnic Identity, and Language Choices of Malaysian Youths: The Case of the Family Domain. *Advances in Language and Literary Studies*, 8(2), 26-36.
- Rezaei, S. (2012). Researching Identity in Applied Linguistics. *The International Journal-Language Society and Culture*, 35,45-71.
- Rezaei, S. (2013). *A Longitudinal Investigation of EFL Learners' Identity Construction in the Iranian Context*. Tesis PhD. Faculty of Foreign Languages Department of English Language and Literature: Taheran Allameh Tabataba'i University.
- Rezaei, S., Latifi, A., and Nematzadeh, A. (2017). Attitude towards Azeri language in Iran: a large-scale survey research. *Journal Of Multilingual And Multicultural Development*, 38(10),1-11.
- Rusi, J. & Adrian, C. (2010). 'My language, my people': Language and Ethnic Identity among British-born South Asians. *South Asian Diaspora*, 2(2), 201-218.
- Shahin, A., Sayed, A. A., & Hooshiar, R. (2017). An Investigation into Language Identity of Iranian EFL Teachers. *EFL Journal*, 2(1), 1-13.
- Siti Aisah Zailani, Riduan Makhtar & Mohd Sharifudin Yusop. (2019). Pemilihan Bahasa dalam Masyarakat Semai di Hulu Selangor. *Jurnal e-Bangi*, 16(9), 115-132.
- Tamimi Sa'd, S. H. (2017). Foreign Language Learning and Identity Reconstruction: Learners' Understanding of the Intersections of the Self, the Other and Power. *Center for Educational Policy Studies Journal*, 7(4), 13-36.

- Wei, J. (2008). *Language Choice and Identity Politics in Taiwan*. New York: Lexington Books.
- Yan Huang & Azirah Hashim. (2020). A Quantitative Study of Chinese Learners' Identities as Reflected in Their Attitudes toward English Accents. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 20(1), 151-168.
- Yu, S. (2015). The Relationships among Heritage Language Proficiency, Ethnic Identity, and Self-Esteem. *FIRE: Forum for International Research in Education*, 2(2), 57-71.